

LATIHAN TATABAHASA PT3

Set

BAHAGIAN A

[25 markah]

1. Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. **Gariskan** kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Walaupun beliau sangat kaya tetapi beliau sangat kedekut bersedekah kepada golongan miskin.

(ii) Gadis-gadis kampung sering diperalatkan oleh sindiket perdagangan manusia.

(iii) Nelayan itu memperduakan hasil tangkapan ikannya dengan tauke ikan yang berperanan seperti orang tengah.

(iv) Setiap orang murid diminta membawa sebuah pasu bunga ke sekolah untuk memperindah kawasan sekolah.

[8 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan ejaan. **Kenal pasti** kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Tina rajin mentelaah buku-buku rujukan di perpustakaan pada setiap hari.

(ii) Penyanyi solo tahun 70an itu masih kacak dan lincah bergaya.

(iii) Lia terjumpa Sharifah di kedai alatulis berdekatan dengan rumah mereka.

[3 markah]

4. Baca petikan di bawah. Kemukakan dua peribahasa yang bersesuaian dengan situasi di bawah.

Semua ahli keluarga begitu teruja apabila ayah mengajak kami pergi ke Pulau Tioman. Malangnya kemalangan feri telah menyebabkan kami kehilangan ibu tercinta.

(i) _____

(ii) _____

[4 markah]